

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 SEPTEMBER 2016

PM saksi perjanjian pembelian enjin pesawat

PUTRAJAYA 22 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Malaysia Airlines Berhad (MAB) dengan syarikat subsidiari General Electric (GE), CFM International bagi pembelian enjin LEAP-1B bernilai AS\$630 juta (RM2.6 bilion) untuk 25 pesawat Boeing 737 MAX.

Perjanjian untuk penghantaran pada tahun 2020 itu ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif yang juga Pengarah Urusan Kumpulan MAB, Peter Bellew; Pengurus Besar Asia Pasifik CFM International, Chris Drewer dan Presiden GE ASEAN, Wouter Van Mersch.

Yang hadir sama menyaksikan majlis di Bangunan Perdana Putra

di sini itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengerusi MAB, Tan Sri Mohd. Nor Mohd. Yusof dan Pengerusi yang juga Ketua Pegawai Eksekutif GE, Jeff Immelt.

Jelas Bellew, menerusi perjanjian tersebut, MAB turut mendapat hak bagi pembelian tambahan 25 enjin tersebut dengan syarikat penerbangan berkenaan yang memiliki sebanyak 54 pesawat Boeing 737-800.

"Kami berpuas hati dengan enjin CFM56-7B (keluaran CFM International) yang sedang digunakan ketika ini dan yakin enjin generasi baharu LEAP ini akan meningkatkan lagi kecekapan ekonomi dari segi penggunaan

minyak yang efisien," katanya dalam kenyataan sempena majlis itu di sini hari ini.

Enjin LEAP-1B yang menampilkan pelbagai ciri-ciri baharu dari segi material dan reka bentuk itu meningkatkan kecekapan penggunaan minyak sebanyak 15 peratus, sekali gus mengurangkan pelepasan karbon.

Selain perjanjian pembelian enjin, MAB serta GE turut memeterai perjanjian kerjasama untuk pembangunan kepimpinan dan pembaharuan berterusan.

GE bakal menawarkan program-program latihan kepimpinan dan pengurusan yang selari dengan pelan transformasi dan penstrukturan semula yang dilaksanakan MAB.

UM - 23/9/2016